



## 'TIBBians'

"BEYOND THE HORIZON OF JUST HEALING"  
PRODUKSI BADAN KEBAJIKAN PELAJAR-PELAJAR PERUBATAN MALAYSIA-MESIR



**PERCUMA UNTUK AHLI SAHAJA BIL 2 SYAWAL 1425/NOVEMBER 2004**

### SIDANG EDITORIAL

*Penulis:*  
AHMAD BAIHAQI AZRAII  
*Editor:*  
AHMAD SHUIB YAHAYA  
*Pengarang:*  
AHMAD ZUHDI SURADIN  
HAZWANI JOHARI  
*Penyumbang:*  
HIDIR HASSAN  
SALMAN AMIRUDDIN  
NURUL FAAIQAH JAINUDDIN  
AHMAD HAikal IDRIS  
ABDUL FATAH JAAFAR  
NIK ABDULLAH AFIF N.M.  
*Terbitan:*  
PERUBATAN,  
Dewan Malaysia Abbasiah,  
Kaherah, Mesir.

Pihak Editorial mengalui-alukan sebarang sumbangan dalam apa jua bentuk. Sumbangan penulisan akan diteliti dan pihak editorial berhak mengubahsuai hasil penulisan tersebut selagi tidak meminda isi dan idea utama. Segala penulisan samada dari kolumnis atau sumbangan tidak melambangkan pendirian dan identiti PERUBATAN serta terdedah kepada komen, kritikan dan seumpamanya dengan syarat disempurnakan secara profesional dan mematuhi prinsip-prinsip ilmiah. Sumbangan penulisan hendaklah disertai dengan identiti pengirim serta e-mail sebagai tanda pertanggungjawaban terhadap hasil penulisan. Rujukan/sumber adaptasi seeloknya dinyatakan. Sebarang komen membina, idea, pertanyaan, artikel atau sumbangan sila emailkan ke:

[tibbians@lycos.com](mailto:tibbians@lycos.com)

### MUTIARA

*Apabila sahaja kau temukan seorang lelaki yang banyak kata-katanya (becok), Maka yakini lah akan kegilannya!!!*

(Buzur Jamhir- dinukil oleh AzZarnuji)

**بسم الله الرحمن الرحيم**  
Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani  
*In The Name Of Allah, Most Gracious, Most Merciful*

### IFTAR JAM'IE 1425H

**RUMAH KELUARGA PENUNTUT KELANTAN- Majlis Iftar Jami'e tahunan antara para pelajar perubatan Malaysia di Mesir anjuran PERUBATAN telah selamat diadakan pada 28 Oktober yang lalu.**

Majlis tersebut adalah julung-julung kali diadakan dan dilihat sebagai satu pendekatan yang digunakan oleh pucuk pimpinan PERUBATAN untuk mengukuhkan lagi ukhuwah antara ahli. Majlis dimulakan pada jam 4.30 petang dengan ucapan alu-aluan daripada Presiden. Majlis tersebut bersifat serampang dua mata kerana Pengurus turut merasmikan pelancaran lidah rasmi persatuan iaitu Tibbians yang mempunyai dua maksud iaitu penerangan dan juga pelajar perubatan.

Majlis kemudian disusuli dengan tazkirah yang penuh bersemangat oleh Tn. Hj. Fadhil Ismail. Beliau menegaskan betapa pentingnya kita untuk memanfaatkan kehadiran bulan Ramadhan dengan sepenuhnya. Selepas menjamu selera, para pelajar perubatan mengambil kesempatan bergambar beramai-ramai sebelum bersurai.

### TOBIYYAH

سلام الله عليكم ورحمةه وبركاته  
الله عز وجل selawat & salam kepada junjungan baginda Muhammad SAW, para sahabat dan ahli keluarga baginda.



الحمد لله TIBBians edisi 01 telah dilancarkan dan diedar pada 28 Oktober 2004. Sama-sama kita berdoa agar Allah melimpahkan hidayah dan petunjuknya serta mengurniakan kekuatan agar penerbitan ini dapat diteruskan dengan istiqamah.

Jutaan penghargaan diucapkan kepada semua individu mahupun kumpulan yang telah menyumbang dalam apa jua bentuk hingga penerbitan ini menjadi kenyataan; Dan tiada yang lebih layak untuk semua selain rahmat & balasan dari Allah SWT. Juga penghargaan yang tidak terhingga kepada bakal-bakal penyumbang, teruskan usaha dan moga-moga dipermudahkan Allah.

كل عام وانتم الى الله عنقاء من النار

...Editor ([intelek@lycos.com](mailto:intelek@lycos.com))

### SALAM AIDILFITRI 1425H

Semoga Aidilfitri kali ini benar benar mengembalikan kita kepada fitrah manusia - suci bersih tanpa dosa & noda.

اللهم بلغنا رمضان آخر

Ya Allah, sampaikanlah kami ke Ramadhan yang lain...

Ginseng...  
Pengerusi Menulis..



بسم الله الرحمن الرحيم  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الله اكبر الله اكبر الله اكبر. لا اله الا الله  
والله اكبر. الله اكبر والله الحمد.

احمد الله تعالى على نعمه وآلائه واصلى واسلم  
على محمد خاتم الأنبياء والمرسلين وعلى الله  
وأصحابه أجمعين.

أما بعد

ان العيد مظهر من مظاهر الدين وشريعة من  
شعائره المعظمة. والعيد معناه شكر الله على  
تمام العبادة والانساني : يوم تلقى فيه قوة الغني  
وضعف الفقير على محبة ورحمة من الله.

والعيد ايضا يوم الأطفال يفيض عليهم بالفرح  
والمرح. ويوم الفقراء يلتقاهم باليسر والسعادة ويوم  
الأرحام يجمعها على البر والصلة ويوم المسلمين  
يجمعهم على التسامح والتراور ويوم الأصدقاء  
يجدد فيها اواصر الحب وداعي القرب. ويوم  
تنكير لأبناء المجتمع بحق الصنفاء والعاجزين.  
فلهذا يرمز تشريع صدقة الفطر في هذا العيد  
المبارك.

قال رسول الله: مثل المؤمنين في توادهم وتراحمهم  
وتعاطفهم كمثل الجسد الواحد. اذا اشتكى منه عضو  
تداعى له الجسد بالحمى والسهور.

بارك الله لنا عينا ومكن لنا ديننا الذي ارتضى  
لنا.....

والله أعلم...



**BADAN KEBAJIKAN  
PELAJAR-PELAJAR PERUBATAN  
MALAYSIA-MESIR**

**TABURAN AHLI:**

Lelaki: 45

Perempuan: 37

Universiti Kaherah: 35

Universiti Ain Shams: 29

Universiti Al-Azhar: 11

Universiti Iskandariah: 7

Selangor/Kuala Lumpur: 31

Melaka: 10

Kelantan: 8

Terengganu: 8

Johor: 8

Kedah: 4

Pahang: 4

Pulau Pinang: 4

Perlis: 3

Negeri Sembilan: 1

Perak: 1

(Tajaan) -

JPA: 57

Mesir: 12

JAIM: 9

Sendiri: 3

PETRONAS: 1

## Siri 3: DASAR GERAK KERJA DOKTOR MUSLIM

wild\_sirocco@yahoo.com

Setelah dijelaskan tentang gambaran kehidupan muslim yang lengkap, Dr Al-Barr menggariskan 3 perkara dasar pula agar kehidupan manusia yang bergelar **Doktor** itu sentiasa berhubung dengan Allah dalam gerak kerjanya. Dasar yang pertama ialah IMAN. Iman adalah pemberian dari Allah<sup>1</sup> yang menghiasi hati-hati manusia<sup>2</sup> dan dengan iman itu kita menjadi tenang<sup>3</sup>.

Keimanan adalah dasar yang wajib dipegang teguh oleh para doktor dan dengan iman itulah doktor merawat pesakitnya. Perkara ini bukan omongan tetapi suatu yang diterima akal jika kita meyakini bahawa manusia dijadikan daripada jasad, ruh dan akal. Didatangkan sebuah kisah yang wajar dibaca oleh kita semua tentang kekuatan iman dalam mengubah segalanya.

Ketika Dr Al-Barr di Paris, sahabatnya telah menceritakan bagaimana keajaiban yang berlaku terhadap kelahiran anak keduanya Fadwa. “*Setelah tiba tarikh kelahiran, kami bergegas ke hospital dan doktor yang merawat isteriku memberi peluang tipis untuk mengeluarkan anakku dalam keadaan hidup. Dalam keadaan genting, aku memohon kepada para doktor sedikit waktu untuk aku bersendirian bersama isteriku dan mereka memandangku dengan penuh kehairanan. Kemudian kami khusyuk berdoa dan membaca al-Quran dengan penuh keyakinan. Lalu ku katakan pada isteriku bahawa hidup kita dalam keadaan beriman dan bersih (dari kemaksiatan) di negara yang tidak baik (Perancis). Solat kita kerjakan dan kita bermuamalah dengan manusia atas dasar kebaikan. Maka kami pohon kepada Allah dalam doa dan kami iringkan dengan menyebut Nama-Nama Allah yang mulia. Lalu kami serahkan segalanya pada Allah. Lalu diri kami menjadi tenteram dan kami rasakan ketenangan menyelubungi hati. Ketenangan yang disebut dalam Quran tidak lain merupakan kelebihan (الفضل) daripada Allah kepada hamba-hambanya yang beriman. Lalu doktor datang kembali dan melakukan pemeriksaan sekali lagi lalu melihat kepada wajah kami berdua dalam keadaan tertanya-tanya lalu berkata keadaan telah berubah sekarang!. Peluang bayi itu untuk hidup adalah besar. Kemudian isteri ku dimasukkan dalam bilik pembedahan dan Allah telah memuliakan kami dengan anak perempuan kami yang kami namakan Fadwa (yang bererti tebusan). Dan aku masih lagi teringat kata-kata doktor berbangsa Perancis itu.*

*“Aku tidak tahu apa yang berlaku ketika aku meninggalkan kamu berdua ketika itu. Sesuatu yang jika aku tidak melihatnya nescaya aku tidak mempercayainya”*

Inilah sebahagian dari keimanan kepada Allah dan keyakinan apabila memohon sesuatu kepadaNya. Dan keyakinan itu ialah hasil keimanan kepada Allah yang menjadikan kesembuhan (as-syifa') kepada penyakit hasil dari jalan kurniaan dan pertolongan daripada Allah (selain dari berusaha). Kepentingan iman yang merangkumi iman seorang doktor dan pesakitnya merupakan juzuk yang utama dalam perawatan . Dan perkara ini diakui oleh salah seorang teman Dr Al-Barr , seorang *psychiatrist* bernama Carl Young;

bahawa kebanyakan dari pesakit yang dirawatnya mempunyai masalah yang asasnya hanyalah berhajat kepada agama. Oleh itu Dr Al-Barr menyimpulkan bahawa kebanyakan orang yang sakit (khususnya mental) adalah kerana mereka hilang sesuatu yang mampu diberikan oleh agama dan mereka pada hakikatnya tidak sembuh dari penyakit mereka melainkan kembali kepada konsep beragama dalam kehidupan. Beliau mendatangkan kisah pengislaman **Cat Steven (Yusuf Islam)** yang sememangnya telah diketahui umum untuk dijadikan renungan.

Dengan keimanan inilah kita meletakkan tangan kita dalam bekerja di atas agama Islam yang benar ini yang mampu menyembuhkan penyakit –penyakit jiwa kerana daripada jiwa itulah lahir juga penyakit-penyakit jasmani<sup>4</sup>. Namun semua itu tidak mampu kita praktikkan kecuali dengan mengikuti sistem pendidikan perubatan Islam yang benar iaitu yang **tidak memisahkan ruh dan jasad** dan juga **menjadikan kerjaya kedoktoran sebagai manhaj hidup Islam** seperti yang telah disimpulkan dalam ayat 177 surah Al-Baqarah dalam siri yang lepas.

*Di siri yang akan datang ,jika dikehendaki Allah, akan dibentangkan pula dasar kedua dalam menjadikan Islam manhaj kehidupan yang sempurna iaitu AKAL.*

<sup>1</sup> Rujuk ayat 14 surah Hujurat

<sup>2</sup> Rujuk ayat 7 surah Hujurat

<sup>3</sup> Rujuk ayat 4 surah Al-Fath

<sup>4</sup> Dr Al-Barr juga telah menulis sebuah buku bertajuk ( الفق و علاجه بالقرآن ) ( Kegusaran dan Rawatannya dengan Al-Quran) yang memperincikan tentang hubungan penyakit rohani dan jasmani.

**KHABAR AL-IFK**

Siri Kedua – “*Pilunya Saidatina A’ishah*”  
*namlas\_82@yahoo.com*

...sambungan dari siri 1 (TIBBians edisi 1)

**D**alam keadaan begini, Rasulullah s.a.w telah bermesyuarat mengambil pendapat para sahabatnya mengenai perkara ini. Ada di antara mereka yang berkata: Wahai Rasulullah, mereka itu ahli mu’dan kami tidak kenal pada mereka melainkan kebaikan semata-mata. Ada di antara mereka yang berkata: Allah tidak menyempitkan bagimu dunia ini, masih ramai lagi wanita lain.

Lalu Rasulullah s.a.w memanggil Burairah dan bertanya kepadanya: Adakah engkau dapat sesuatu yang meragukan terhadap Aisyah. Lantas beliau menjawab bahawa beliau tidak mendapati di sisi Aisyah itu melainkan perkara yang baik sahaja.

Lalu Rasulullah s.a.w naik ke mimbar dan berkata: “Wahai sekalian kaum muslimin, siapakah yang boleh memaafkan seorang lelaki yang terlalu menyakiti ahliku. Demi Allah tidak ku dapati pada ahliku melainkan kebaikan sahaja, dan mereka telah menuduh seorang lelaki yang setahu aku ianya seorang yang baik dan bersih.. Lalu bangun Saad bin Muaz dan berkata: Aku menguzurkan engkau daripadanya ya Rasulallah, sekiranya penyebar fitnah itu dari kaum Aus, nescaya kami penggal lehernya, dan sekiranya dari kalangan saudara kami Khazraj, suruhlah kami bertindak, nescaya kami akan patuh perintahmu. Seluruh hadirin di dalam masjid menjadi riuh rendah sehingga ditenangkan semula oleh Rasulullah s.a.w.

Setelah itu, Rasulullah s.a.w masuk menemuiku dan ibubapaku duduk di sebelahku, dan mereka merasakan tangisanku menusuk kalbu. Baginda tidak pernah duduk di sampingku sejak berita ini tersebar selama sebulan dan wahyu juga masih belum diturunkan kepada Rasulullah s.a.w mengenai diriku. Baginda mengucap setelah duduk dan berkata: Amma ba’du, wahai Aisyah, telah sampai kepadaku (cerita) begitu dan begini. Sekiranya engkau tidak bersalah, Allah akan membersihkanmu. Sekiranya engkau melakukan dosa, maka beristighfarlah kepada Allah dan bertaubatlah kepadaNya.

Setelah mana Rasulullah selesai bercakap, air mataku mengalir dan aku tidak terasa sedikit pun. Aku meminta ayahku: Ayah, tolong jawab bagi pihakku kepada Rasulullah s.a.w. Bapaku menjawab: Demi Allah, aku tidak tahu apa yang hendak diperkatakan. Kemudian aku menjawab: Demi Allah, aku mengetahui kalian telah mendengar cerita palsu ini semua, kemudian terkesan di dalam hati dan mempercayai cerita ini. Sekiranya aku mengatakan kepada sekalian bahawa aku ini bersih, semua tidak akan mempercayainya. Sekiranya aku mengaku di hadapan kalian dan Allah mengetahui bahawa aku tidak bersalah, kalian tetap akan mempercayainya. Sesungguhnya aku tidak ada sesuatu untuk di beritahu kepada kalian selain dari menyebut sebagaimana yang dikatakan oleh bapa Nabi Yusuf: “Maka kesabaranku yang terbaik, dan Allah sahaja yang dimohon pertolonganNya terhadap apa yang kamu ceritakan” (Surah Yusuf:18). Kemudian aku pergi dan merebahkan diriku di tempat tidur.

**Did You Know ??****Panduan Penuntut Ilmu**

وَجِبُ النُّومُ وَاتْرُكُ الشَّبَعَا

يَا طَالِبُ الْعِلْمِ لَا زُورْعَا


فَانِ الْعِلْمُ بِالدِّرْسِ قَامَ وَارْتَفَعَ

وَدَوَامُ عَلَى الدِّرْسِ لَا تَفَارِقْهُ

Wahai PENUNTUT ILMU! Iltizamlah dengan kewarakann (hati-hati),  
 Dan jauhilah tidur (kurangkan tidur)  
 serta tinggalkanlah kekenyangan,  
 Dan sentiasalah (berterusanlah) dengan kelas pengajian,  
 jangan berpisah dengannya,  
 Sesungguhnya ilmu itu dengan pengajian,  
 Nescaya akan tertegak ILMU, malah akan bertambah-tambah.

(تعليم المتعلم طريق التعلم للزرنوجي)

Abu Bakr Muhammad b.  
 Zakariya ar Razi or  
**Rhazes** (865-925) was  
 the greatest physician in  
 the Islamic world, and  
 one of the greatest  
 physicians of all time.



He wrote over 200 books on a wide variety of subjects. His greatest medical work was the monumental encyclopaedia *al Hawi* (الحاوي في الطب), on which he worked for fifteen years. Ar Razi was a thorough empiricist, and not at all dogmatic. This is evident from his extant clinical notebook, in which he carefully recorded the progress of his patients, their maladies, and the results of the treatment. He wrote one of the earliest treatises on infectious diseases—smallpox and measles.

**PIGENESIS**HAMADA el Misriey [intelek@lycos.com](mailto:intelek@lycos.com)**The Holy Quran & Prophet Muhammad (pbuh) challenged Aristotle!!**

**I**n order to evaluate the Embryological data in the Holy Quran, we have first to look into the human knowledge of this subject at the time when the Holy Scripture was revealed to Muhammad (peace be upon him) 14 centuries ago, down to our time.

In the 4<sup>th</sup> BC, Aristotle wrote the first known treatise on embryology. Many embryologist regard Aristotle as "The Founder Of Embryology" despite the fact that he promoted the idea that the embryo developed from a formless mass that resulted from the union of semen with menstrual blood. At this time, there were already two theories concerning the development of embryo:

1. preformed in the male semen, or the female secretion on which they exist as miniature creatures which tend to grow inside the womb.
2. actual creation and formation from the menstrual blood.

Aristotle took the second theory. The role of a male's semen in reproduction was limited to the role of a catalyst in which the menstrual blood coagulated. So great was the effect of Aristotle that nobody dared to challenged his views for many centuries.

**However the Quran and the Prophet Muhammad (peace be upon him) challenged Aristotle, exactly 1100 years before Redi (1668) dared to put forward his theory.**

**Both Male & Female**

Until the 18<sup>th</sup> century, it was generally believed that a fully formed animal exists in miniature in the egg (in female) needing only the stimulus of the sperm to initiate growth and unfolding, or that similarly pre-formed organisms, male and female, constitutes the sperms and these merely enlarged when they get inside the womb.

**In Surah Al-Insan (76) verse 2, Allah says:**

*"Verily We have created man from a drop of mingled liquids" (of both male and female)*

**In Tafsir Al Quran AlAdzim, Ibn Kathir wrote: Akramah, Mujahid, Hasan and Ibn Abbas, explained the above verse, said: the word *نطفة أمشاج* "is the fluid of male and female intermingled and then it passes into many evolutionary stages, from form to a form, colour to a colour"**<sup>(1)</sup>




Illustration of pre-formation theory  
(miniature baby in a SPERM)

The pre-formation controversy finally ended around 1775, when Spallanzani showed that both the ovum and the sperm were necessary for development of a new individual.<sup>(2)</sup>

Hertwig in 1875 was the first to describe scientifically the fertilization of an egg by a sperm.<sup>(3)</sup>

**The Prophet was asked by a Jew: "O Muhammad, tell me from what thing man is created". He replied: "Man is created from both the fluids of male and female".<sup>(4)</sup>**

**Ibn Hajar Al Asqalani (14<sup>th</sup> century) says: "The saying of The Prophet denies the older theories that stated the male semen has no role in creation of a baby. The semen of the male actually participates equally to that of females in formation of the embryo".<sup>(5)</sup>**

Von Benden in 1883 proved the saying of Prophet Muhammad (pbuh) that male and female cells contribute the same number of chromosomes to the embryo.<sup>(6)</sup>

**PIGENESIS**

Epigenesis term means: *the development of an organism from undifferentiated cell consisting in the successive formation and development of organs and parts that do not pre-exist in the zygote; opposed to the erroneous theory of pre-formation.*<sup>(7)</sup>

Until 18<sup>th</sup> century, scientists believed that human sperm containing a miniature human being, known as 'pre-formation doctrine'.

**In Quran, Surah Nuh (71), verse 13-14, Allah says:**  
*"What is amiss with you that you cannot look forward to God's Majesty. He has created (every one of) you in successive stages"*

The emphasis here is on the Quranic expression of the human embryo being formed in many *successive stages* expressed as Nutfah, Alaqah, Mudghah and each stage is further subdivided and explained in different verses of Holy Quran & Hadith of Prophet (will be discussed later, insyaAllah)

These astonishing revelations were not known until recently. The EPIGENESIS DOCTRINE were first put forward by Wolff (1759-69) and only became recognised and accepted late in 19<sup>th</sup> and early 20<sup>th</sup> centuries.<sup>(8)</sup>

The accuracy of the descriptive terms used in the Holy Quran will be dealt with later insyaAllah. Here we emphasize that these details were never known until the 20<sup>th</sup> century.

1. تفسير القرآن العظيم لابن كثير vol 8. 76:2
2. Keith Moore, "The Developing Human 3<sup>rd</sup> edition"
3. M. Ali Albar, "Human Development as revealed in the Holy Quran & Hadith"
4. مسند أحمد بن حنبل
5. Ib Hajar Al Asqalani - "فتح الباري"
6. M. Ali Albar, "Human Development as revealed in the Holy Quran & Hadith"
7. 29<sup>th</sup> DORLAND's Illustrated Medical Dictionary - pg 607
8. M. Ali Albar, "Human Development as revealed in the Holy Quran & Hadith"

## الطب النبوى (Perubatan Nabi)

Ust.Hj Abdul Fatah Hj Jaafar  
Tahun 4, Kuliyyah Usuluddin  
Jabatan Dakwah & Thaqofah Islamiyyah  
Universiti Al-Azhar, Kaherah  
[aqiqnilam\\_01@yahoo.com](mailto:aqiqnilam_01@yahoo.com)

**S**egala puji & puja kini dan selamanya buat Malikul Dayyan penguasa semesta alam yg mengatur segala flora dan faunanya. Selawat & salam buat suri tauladan ummah sejagat baginda SAW dan seluruh kerabat baginda dan sahabat-sahabat R.A.

Pertamanya syabas & tahniah buat sahabat PERUBATAN kerana berjaya hasilkan Tibbians yang dilihat sebagai satu bidayah yang boleh dipertingkat dan dikembangkan lagi sepertimana kita melihat berkembangnya teknologi perubatan pada zaman yang penuh canggih dan global ini. Cuma, satu perkara yang perlu kita kaji dan telusuri bersama dalam alam maya yang pesat berkembang ini iaitu mengenai 'Tibbun Nabawi' atau lebih popular dengan istilah 'Perubatan Islam'. Sepertimana yang kita maklum Rasul SAW bukan sahaja dilantik sebagai penyampai risalah semata-mata tetapi juga membawa satu cara hidup yang konsisten dengan dustur Quran termasuklah perihal perubatan Islam.

Firman Allah SWT :-

*"Dan diturunkan daripada Al-Quran itu sebagai 'Syifa'(penyembuh) dan rahmat bagi seluruh alam"*

Ayat ini jelas memaparkan kepada kita bahawa Islam sebagai cara hidup yang syumul yang tidak pernah meninggalkan walau sedikitpun ruang yang ada dalam kehidupan manusia kita termasuklah cara merawat atau pengubatan mengikut sunnah yang dibawa oleh baginda SAW. Hal ini bukan pula bermaksud Islam menolak perkembangan perubatan moden yang semakin memuncak sekarang ini dengan penghasilan teknologi sains perubatan kontemporari, bahkan Islam sentiasa bersama dengan setiap penghasilan yang dihasilkan oleh idea akal kurniaan Allah SWT kepada manusia itu sendiri. Sebaliknya penggabungan antara 'Tibbun Nabawi' dan sains perubatan kontemporari tentunya akan menghasilkan sesuatu yang lebih hebat dan produktif iaitu gabungan antara perubatan 'wahyu' dengan kepintaran minda manusia yang dianugerahkan oleh Allah SWT.

Justeru sebagai pengamal perubatan Islam tentunya kedua-dua sumber ini tidak boleh dinafikan atau dikesampingkan akan kepentingan kedua-duanya.

Alangkah cantik dan indahnya jika keduanya ini diklonkan dalam pengamalan doktor-doktor Islam atau yang lebih akrab lagi doktor-doktor yang konsisten dengan keislamannya. Maka akan lahirlah pada masa itu para doktor yang bukan sahaja berjaya merawat 'zahir' si pesakit tetapi dalam masa yang sama turut merawat penyakit 'batinnnya' yang barangkali lebih parah sakitnya daripada apa yang terzahir di mikroskop dan komputer!

*Sesungguhnya umat Islamlah yang lebih berhak dan sepatutnya mengorek serta mengkaji khazanah ilmu perubatan Islam ini yang sudah sekian lama terkubur tanpa nisan dan ditimbus bersama-sama tenggelamnya tamadun kegemilangan Islam yang lampau. Sekarang yang tinggal hanya tercatat dalam manuskrip-manuskrip lama yang tersimpan di muzium-muzium di seluruh dunia.*

Nah! Sedarilah semua, kitalah yang selayaknya menggali dan meneroka semua khazanah milik nenek moyang kita yang cuba ditutup kehebatannya oleh tangantangan kolonial yang sememangnya iri dan dengki pada kehebatan tamadunnya yang pernah menjadi empayar terulung sewaktu ketika dahulu.

*...bersambung ke edisi seterusnya, insyaAllah*


***Musuh yang berakal lebih baik dari kawan yang bodoh***

-Imam Ghazali dalam *Bidayatul hidayah*

## HIDUPKU DAN MATIKU HANYA KERANAMU

(Cerpen bersiri)

hasil naqal : hanglekiu (lekiu\_kal@yahoo.com)  
 tahun dua jam'iah qaherah  
 sumber adaptasi: ---HUDA SOID---[weblog]



**M**alam kian melabuhkan tiraunya. Sepi. Cuma sesekali kedengaran suara unggas sahut menyahut. Bintang-bintang malam bertaburan. Menghiasi dada langit. Indah dan berkerdipan. Di satu sudut penjuru, kelihatan seorang anak muda khusuk menghadap kitab suci Al-Quran. Bacaan lenggok bayati dialun-alunkan. Merdu. Membuai jiwa dan perasaan. Bacaan Al-Quran mengembalikan ketenangan. Haikal cuba menghayati isi kandungan kalamulLah itu. Ditudabburnya bersungguh-sungguh. Namun bacaannya terhenti. Bola matanya tertancap pada ayat itu. Diamatinya berkali-kali. Dadanya bergetar. Tidak keruan.

*'Dan perangilah mereka itu sehingga tidak ada fitnah lagi dan ketaatan itu hanya semata-mata untuk Allah. Jika mereka berhenti dari memusuhi kamu maka tidak ada permusuhan lagi, kecuali terhadap orang-orang yang zalim.'* (Al-Baqarah:193)

Ditutupnya kitab suci itu. Al-Furqan dicium lembut. Langkah diatur ke tingkap. Bayu padang pasir menerobos, menampar pipi. Sejuk dan mendamaikan. Namun gejolak di jiwanya kian membara. Jawapan perlu dicari. Keputusan harus dibuat. Haikal memejamkan matanya. Peristiwa di Masjid Hussin bagai diulang tayang. Masjid itu seolah-olah sudah sebat dengan jiwanya. Walaupun dia cuma dagangan yang hina di sini. Di bumi lembah Nil yang subur.

Masjid Hussin kerap dikunjunginya . Malah bersolat jemaah di situ bagi satu kemestian. Dia sering bertafakkur, ta'abbud jiwa taqarrub billah. Lantas Masjid Hussin menjadi saksi, saksi seorang insan yang mendamba cinta Ilahi. Namun munaqasyah bersama Syeikh Imam Ahmad petang tadi kembali mengocak ketenangan. Tawaran syurga Firdausi menimbulkan persoalan.

'Mengapa aku harus ragu? Mengapa tidak aku serahkan segala jiwa dan ragaku ke jalan Ilahi?' Hati itu bersuara. 'Tapi bagaimana dengan ibu, abah malah adik-adik di kampung?' Hatinya bersoal lagi. Haikal berkira-kira, menimbang-nimbang keputusan yang bakal dibuat.

'Tidak! Tidak! Aku tidak akan kalah dengan bisikan nafsu dan syaitan. Sama sekali tidak!' Lantas istighfar dilantun berkali-kali. Bisikan hati cuba ditepis. Dia bermujahadah. 'Demi Allah, dengan bersaksikan malam yang pekat dan bintang-bintang malam yang bergemeralpan indah, sesungguhnya hidupku dan matiku hanya keranaMu Ya Allah!' Tegas sekali keputusan Haikal. Dan dia nekad, keputusan ini tidak akan berganjak, sama sekali tidak. Dibulatkan azam, dipejalkan tekad. Semangat yang tadinya luntur ditiup kembali. Keputusan yang wajar sudah dibuat.

...bersambung ke edisi seterusnya...

## PANDUAN IBADAH PESAKIT

Oleh Ahmad Shuib Yahaya [intelek@lycos.com](mailto:intelek@lycos.com)

### WUDUK

1. **Pesakit Biasa:** Pesakit yang tidak terdapat apa-apa balutan atau luka (yang tidak boleh terkena air) hendaklah mengambil wuduk seperti biasa.
2. **Pesakit yang berbalut anggota wuduknya dan boleh menanggalkan pembalutnya:** Kalau tiada halangan untuk membuka pembalut berkenaan dan tidak memudarangkan penyakitnya, maka hukumnya **wajib** dia membuka atau menanggalkan balutan itu bagi menyempurnakan wuduknya.

Lihat sebelah...

### Isu Perubatan Kontemporari:

# PENGKLONAN

Salman Amiruddin [namlas\\_82@yahoo.com](mailto:namlas_82@yahoo.com)

### PROSES PENGKLONAN

a- Peringkat pertama: satu sel ovum diambil dan dibuang nukleus yang mengandungi kromosom supaya menjadi benih yang kosong. Benih tersebut diletakkan di dalam tabung uji dan sedia untuk digunakan.

b- Peringkat kedua: satu sel tisu diambil dan dimasukkan ke dalam tabung uji. Nuklues dari sel tisu ini diasinkan untuk proses seterusnya.

c- Peringkat ketiga: nukleus sel tisu yang mengandungi 46 kromosom tersebut disuntikkan ke dalam sel ovum yang kosong menggunakan jarum halus. Sel yang telah bergabung tersebut diletakkan di dalam tabung uji di dalam persekitaran yang sesuai sebelum dipindahkan ke dalam rahim.

d- Peringkat keempat: sel gabungan tersebut dimasukkan ke dalam rahim dan proses kandungan dan kelahiran diteruskan melalui cara yang normal.

Sel-sel telur yang mengandungi nukleus yang sama ini akan melahirkan organisme yang sama sifatnya yang dipanggil *klon*. Teknik ini secara teorinya mampu melahirkan banyak organisme serta ramai individu yang sama susunan genetiknya. Percubaan pertama yang telah dibuat pada Julai 1996 telah menghasilkan klon kambing biri-biri yang dinamakan Dolly membawa petanda bahawa manusia juga, secara teorinya dapat dilahirkan dengan cara ini.

### PANDANGAN DAN FATWA TERHADAP PENGKLONAN

- 1) Majlis Fiqh Islami Jeddah: Proses pengklonan terhadap manusia adalah **haram** kerana berlawanan dengan fitrah ciptaan Allah
- 2) Mufti Kerajaan Arab Saudi: Sesungguhnya pengklonan akan menghancurkan 4 dari 5 asas utama yang menjadi maslahat kepada manusia iaitu akal,harta,iktitad,keturunan dan nyawa
- 3) Syeikh Nasr Farid, Mantan Mufti Mesir: Jika kajian sains dilakukan untuk maslahat manusia samada dari segi **rawatan, makanan atau perubatan, maka ianya dibenarkan oleh syarak**. Ini termasuklah mengklon anggota tubuh badan untuk mengubati penyakit tertentu.

### KESAN PENGKLONAN TERHADAP MASYARAKAT (SOSIAL) DAN AGAMA

- 1) Kerosakan akan berlaku pada nasab keturunan kerana anak klon tidak dapat dinisbahkan kepada mana-mana individu
- 2) Sistem warisan tidak dapat dilaksanakan kerana seseorang yang tiada nasab tidak dapat mewarisi dan mewariskan harta
- 3) Wujud keceluaran dalam sistem pengadilan apabila salah seorang dari 2 individu yang serupa melakukan jenayah. Ini menyukarkan pelaksanaan hukuman dan menyebabkan jenayah berleluasa
- 4) Jika pengklonan ini dilakukan oleh seseorang penjenayah, mereka akan memanipulasi nya untuk membuat pengikut-pengikut yang boleh diarah sesuka hati
- 5) Menjadi masalah kepada sistem syariat Islam yang ditetapkan oleh Allah kepada hambanya samada aurat, perkahwinan, harta pusaka, nasab dan pelbagai hukum yang dipertanggungjawabkan kepada orang yang baru memeluk Islam.


3. Pesakit yang berbalut anggota wuduknya (termasuk semen, dll):-
  - a. Membasuh semua anggota wuduk yang tidak berbalut.
  - b. Anggota wuduk yang berbalut dibasuh dengan air di atas seluruh balutan (seperti menyapu kepala ketika wuduk)
  - c. Kemudian hendaklah bertayammum
4. Selepas itu bolehlah dia solat dan solat itu sah dan **tidak perlu diulang** (qada') apabila dia sembah

Syarat-syarat dibolehkan menyapu (tanpa membasuh dengan air) ke atas balutan (الخطوة) :

- Pembalut/ semen itu tidak boleh ditanggalkan (untuk mengelak penyakit bertambah serius)
- Tidak boleh dibasuh atau disapu ke atas luka (di bawah balutan) kerata akan membawa kemudarat yang lebih teruk
- Balutan tersebut tidak berlebihan dari kadar yang diperlukan. Balutan yang lebih dari yang diperlukan, hendaklah dibuka (jika tidak memudaratkan) dan dibasuh ketika wuduk
- Balutan itu bukan dari najis seperti kulit bangkai dan bukan juga dari sutera (bagi lelaki)

\*\*\*Para doktor hendaklah cuba sedaya upaya membersihkan najis pada badan pesakit sebelum membalut/semen (walaupun pendapat yang lebih kuat mengatakan tidak wajib membalut dalam keadaan bersih-tanpa najis)

Rujukan: Panduan Ibadah Pesakit (PPIM)  
 الفقه الاسلامي وأدله (Dr. Wahbah Zuhaily)





Oleh: Nurul Faaiqah Jainuddin

fawwazdaq@yahoo.com

## Siti Zubaidah tokoh pembangunan yang berwawasan

Dia seorang lagi srikandi Islam yang cukup terkenal dari dahulu sehingga kini. Dia juga turut dikaitkan dengan terusan yang cukup penting dan popular serta menjadi nadi kepada umat Islam, terutama yang datang ke Mekah untuk mengerjakan haji.

Terusan yang dibina kira-kira 1400 tahun dahulu itu adalah hasil dari inisiatif seorang wanita hartawan, Siti Zubaidah binti Jaafar. Jelas ia memberikan impak yang besar terhadap pembangunan pada zaman kerajaan Abbasiah.

Kisah wanita ini amat menarik untuk dihayati oleh pembaca, bukan hanya kerana dia isteri kepada Khalifah Harun Al-Rashid, tetapi dikagumi kerana kepintaran dan wawasannya membina kemudahan infrastruktur negara. Perkahwinan Siti Zubaidah dan Khalifah Harun diadakan secara besar-besaran semasa pemerintahan Al-Mahadi, ayahanda kepada Khalifah Harun. Rakyat jelata dan fakir miskin dihidangkan dengan pelbagai hidangan lazat serta diberikan pelbagai hadiah istimewa di majlis itu. Khalifah Harun yang pada masa itu belum dilantik sebagai khalifah sanggup membelanjakan banyak wang untuk meraikan perkahwinannya. Beliau sanggup melakukan apa sahaja kerana terlalu gembira berjaya memiliki wanita idamannya.

Siti Zubaidah seorang wanita yang pintar dan berpandangan luas. Pendapatnya sentiasa diterima dan dihormati. Selain itu dia juga berbakat dalam bidang seni terutama sajak dan syair berunsur perjuangan, puji-pujian kepada Tuhan, selawat ke atas Nabi dan sebagainya. Aktiviti seni dan budaya menjadi sebahagian dari darah dagingnya. Dia turut diberikan mandat untuk memimpin unit kebudayaan.

Selain itu dia juga isteri yang memahami tugas dan tanggungjawab suami sebagai pejuang Islam. Untuk itu dia sentiasa berjalan seiring dengan perjuangan suami kerana menyedari tenaga wanita seperti turut diperlukan dalam perkembangan negara Islam. Dia juga sedar bahawa tugas sebagai pemimpin bukan satu tugas yang mudah.. Dia berpendapat tugas isteri bukan sekadar menguruskan rumah tangga tetapi juga mendampingi, memberikan buah fikiran dan membantu tugas-tugas suami terutama dalam meningkatkan imej negara dan agama Islam.

Bagi memastikan segala-galanya berjalan lancar, Siti Zubaidah begitu berhati-hati mengatur hidupnya dalam menguruskan rumah tangga dan menghibur suami serta anak-anak yang bakal dilahirkan.

Dia sedar sebagai isteri Khalifah, dia perlu cepat bertindak dan bijak membuat keputusan, berwaspada dalam semua keadaan, membataskan diri dengan hukum-hukum syarak serta berkorban apa sahaja untuk suami walaupun terpaksa mengorbankan perasaannya sendiri. Yang penting baginya biarlah suami mendapat layanan terbaik dan istimewa serta sentiasa dilimpahi kegembiraan.

Walaupun hidupnya dilimpahi kekayaan, tetapi wanita ini sentiasa memastikan dia tidak termakan dengan pujukan syaitan. Dia beranggapan kekayaan di dunia cuma sementara dan sekiranya dilaburkan mengikut cara yang betul akan mendapat keberkatan di akhirat kelak. Kehidupan akhirat baginya adalah kehidupan yang kekal, indah dan terlalu manis. Keindahan dan kemanisan itulah yang dicari.

Idea untuk membina terusan tersebut terdetik apabila mendapat tahu bahawa penduduk di Mekah menghadapi masalah kekurangan air ketika mengerjakan haji pada tahun 186 hijrah. Melihat keadaan itu, dia mengarahkan semua arkitek dan pekerja untuk segera melaksanakan pembinaan projek terusan walaupun terpaksa menanggung perbelanjaan yang besar. Mereka memulakan kerja-kerja tersebut dengan menyambungkan mata air dari gunung-gunung di sekitar Mekah. Projek ini menelan belanja 1,700,000 dinar. Ia masih boleh digunakan oleh sesiapa sahaja yang melalui jalan di antara Mekah dan Mina.

Selain itu dia juga turut memperbaiki jalan di antara Baghdad ke Mekah. Di sepanjang jalan dibina perigi-perigi dan rumah-rumah persinggahan untuk memudahkan orang ramai yang datang ke Mekah berasah. Selain itu di Baghdad juga terdapat sebuah masjid terkenal dan dinamakan masjid Siti Zubaidah kerana dia yang bertanggungjawab membinanya

Khalifah Harun Al-Rashid amat gembira dan berasa bertuah kerana mempunyai isteri yang cantik dan bijak. Pasangan ini sering berbincang dan bertukar pandangan. Pendapat Siti Zubaidah selalunya tepat dan sesuai untuk pembangunan semua golongan.

Tentang penglibatan dalam politik, dia tidak bermaksud untuk mencampuri urusan tersebut, tetapi mahukan anak sulungnya, Al-Amin dilantik sebagai Putera Mahkota, tetapi cadangan ini telah dibantah oleh Khalifah Harun Al-Rashid.

*"Wahai Zubaidah, sesungguhnya kelebihan anakmu dihadapanmu adalah sama seperti keindahan seorang anak di mata ibu bapanya. Bertakwalah kepada Allah, sebenarnya demi Allah, anakmu ini lebih aku kasih dari lain-lain"*

.....bersambung ke muka sebelah

"Tetapi perkara ini adalah perkara pemerintahan, tidak boleh diserahkan, melainkan kepada orang yang berhak. Kita semua bertanggungjawab kepada rakyat jelata dan berdosa jika kita cuai. Kita tentu tidak sanggup menemui Allah dengan menanggung dosa-dosa mereka serta dipertanggungjawabkan atas kesalahan-kesalahan mereka." kata Khalifah.

Setelah mendengar kata-kata suami tersayang, Siti Zubaidah tidak membantah. Bagaimanapun sejarah kemudian menyaksikan Al Amin dilantik dan diberikan jawatan itu selepas kemangkatan Khalifah. Dia kemudian digulingkan dan dihukum bunuh setelah gagal melaksanakan tugas dengan baik. Tempatnya diganti oleh Al Maknum. Siti Zubaidah menyaksikan semua itu dengan hati yang hancur luluh. Tetapi apabila mengingatkan kata-kata arwah suami, jiwanya kembali tenang. Dalam masa yang sama ada yang cuba menghasut supaya menuntut bela ke atas pembunuhan tersebut, tetapi dia berjaya mengenepikan hasutan tersebut. Baginya Al Maknum tidak bersalah dan dia kenal siapa anaknya dan siapa Al Maknum.

Sejak itu wanita ini menghabiskan sisa-sisa hidup dengan memperbanyakkan ibadat, berzikir serta memohon keampunan di atas dosa-dosa yang lalu. Dia juga menjadi tumpuan, tempat rujukan dan pertanyaan mengenai hal-hal furu' dalam ajaran Islam. Siti Zubaidah menyimpan seramai 100 jariah yang menghafaz al-Quran. Dia meninggal dunia pada 216 Hijrah di Baghdad.

Kitab Riadhus Salikin menceritakan bahawa selepas beberapa malam setelah kematian Siti Zubaidah, seorang soleh yang bertaraf wali Allah bermimpi melihatnya berada di dalam syurga. Wali Allah tersebut bertanya, "Apakah amalan yang menyebabkan engkau memperolehi darjat ini?"

*"Tidak, bukan itu. Aku memperolehi darjat ini kerana harta yang bercampur. Allah mengira pahala dan mengampunkan segala dosaku kerana sewaktu aku mengadakan majlis nyanyian dan bersyair, aku hentikan apabila suara muazzin melaungkan azan, aku menyuruh semua jariahku berhenti dan menyambung kembali setelah azan selesai. Itulah amal ibadat yang Allah terima dan nilai," kata Siti Zubaidah.*

## HADITH NABAWI SYAREEF

وَعَنْ غَبْدَاللَّهِ ابْنِ عَمْرُو، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبضُ الْعِلْمَ إِنْتَرَاعًا يَنْتَرِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ، وَلَكِنْ يَقْبضُ الْعِلْمَ بِقْبَضِ الْعُلَمَاءِ، حَتَّى إِذَا لَمْ يَبْقَ عَالَمًا؛ اتَّخَذَ النَّاسُ رَؤُوسًا جَهَالًا، فَسَأَلُوا فَاقْتُوا بِغَيْرِ عِلْمٍ، فَضَلُّوْا وَأَضَلُّوْا – مِنْقَقَ عَلَيْهِ

Daripada Abdullah ibn Umar katanya: Rasulullah (SAW) bersabda: "Sesungguhnya Allah tidak akan mencabut ilmu dengan cara merentapnya daripada hamba-hambanya, tetapi Dia akan mencabutnya dengan cara mematikan para ulama', sehingga tiada tinggal walau seorang alim, manusia akan mengambil orang-orang bodoh sebagai pemimpin mereka. Mereka akan meminta (pandangan) daripada pemimpin-pemimpin tadi, lalu mereka (pemimpin-pemimpin yang bodoh) akan berfatwa tanpa (berpandukan) ilmu. Maka mereka telah sesat dan menyesatkan (golongan yang dipimpin). –hadith muttafaqun alaih. (hadith no. 109 dari kitab تهذیب المحدث).



**Sheikh AsSayyed (Prof Dr Muhammad bin Alawi bin Abbas Al-Malaki Al-Hasani)** (rahimullah) telah meninggal dunia pada 15 Ramadan yang lalu (Jumaat). Beliau (juga ayah & datuknya) merupakan penghulu ulama' di Mekah dan amat dihormati oleh seluruh dunia ilmuwan Islam ... . الفاتحه

## MUTIARA KATA IMAM SYAFIE

*"Saya tidak berbahas dengan seseorang, sedangkan saya mengkehendaki dia itu salah. Setiap ilmu yang ada di dadaku, maka aku sangat berkeinginan untuk mengajarkannya kepada setiap orang dan aku tidak mahu ilmu itu dinisahkan kepadaku".*

-petikan: Imam Syafie, Penghulu Imam dan Pembaharu Ummah (Sheikh Muhammad Nuruddin Marbu Al-Banjari Al-Makki

## **IKRAR SEORANG DOKTOR**

Saya bersumpah dengan Nama Allah Yang Maha Agung

- ❖ Untuk berpandu kepada Allah dalam menjalani profesion saya..
- ❖ Untuk melindungi nyawa manusia pada semua peringkat dan di bawah apa jua keadaan, dengan melakukan yang terbaik untuk menyelamatkannya daripada kematian, penyakit, ketidakselesaan dan kesengsaraan.
- ❖ Untuk mengekalkan martabat manusia, melindungi privasi dan menyembunyikan rahsianya. Untuk sentiasa menjadi alat bagi rahmat Allah, menghulurkan bantuan perubatan saya kepada yang jauh dan dekat, kepada orang berakhlaq mulia dan kepada orang yang berdosa, kepada kawan dan lawan...
- ❖ Untuk berusaha mencari ilmu pengetahuan dan sama-sama memanfaatkannya untuk mendatangkan kebaikan dan bukannya untuk mendatangkan keburukan manusia keseluruhan.
- ❖ Untuk menghormati guru-guru saya, mengajar mereka yang baru dalam bidang perubatan dan menjadi saudara kepada ahli-ahli profesion perubatan lain untuk bersama-sama dalam melakukan ibadah dan amal jariah...
- ❖ Untuk memelihara iman saya sama ada di tempat sembunyi atau khalayak ramai, mengelakkan sebarang sesuatu yang akan mencemarkan saya di mata Allah, PesuruhNya dan mereka-mereka yang beriman.

Dan semoga Allah menjadi saksi bagi sumpah ini.  
Tuhan yang berkehendakkan manusia itu hidup, dan juga mematikannya...  
Hanya kepada Allah kami beriman. Dan hanya kepada Dia kami meminta panduan...

Sumber: Buku '**Etika Perubatan Islam**' terbitan Persatuan Perubatan Islam Malaysia

اللهم



Presiden Yasser Arafat (Palestin) – Allah yarhamuh.

Paris- 10 November 2004

الفاتحة ...

الشفاء

### 24. MASUK RUMAH BARU

Bacalah doa:

اللهم اني أسألك من خير هذه الدار ، و خير ما فيها. وأعوذ بك من شر هذه الدار ،  
و شر ما فيها. والحمد لله رب العالمين.

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon akan Dikau kebaikan rumah ini, dan kebaikan yang ada di dalamnya. Aku berlindung denganMu daripada kejahanan rumah ini, dan kejahanan yang ada di dalamnya. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

Doa ini dibaca sekali atau tiga kali sebelum masuk rumah, selepas menepuk kedua belah bahagian pintu. Tiup dalam rumah dan beri salam dengan suara yang agak kuat.

Sumber: *Rawatan Pesakit Menurut Al-Quran dan As-Sunnah* (Prof Dato' Dr. Haron Din & Dato' Dr. Amran Kasimin)